

Oleh : **Hisam Satari**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Cawangan Negeri Sembilan

Para pemerhati dalam sejarah tasawuf Islam mendapati bahawa amalan ahli sufi telah lama wujud sebelum adanya istilah tasawuf. Sejarah yang sebenar kembali kepada zaman kehidupan Rasulullah SAW dan para sahabat baginda yang hidup di zamannya. Terangkum dalam diri mereka sifat kebersihan hati, sinaran cahaya iman dan kebaikan yang menyelimuti aktiviti harian mereka, semuanya lahir dari pendidikan dan dasar serta nilai jiwa yang luhur. Kehidupan Rasulullah SAW dan para sahabat adalah permulaan tasawuf Islam.

Rasulullah SAW hidup di bawah langit kota Mekah yang mulia, diselaputi debu padang pasir dan bahang cahaya mentari. Baginda hidup bersama dengan warga Mekah yang mempunyai perbezaan akhlak dan anutan masing-masing. Bila kita mengamati individu yang dihampiri oleh baginda untuk beriman dengan seruan Rasulullah SAW di awal penyebaran dakwah Islam, mereka ialah individu-individu yang telah mempunyai nilai keperibadian yang tinggi. Bilamana Rasulullah SAW menjelaskan berkaitan dakwahnya, mereka dengan senang menerimanya disebabkan kehidupan seharian mereka telah mengamalkan kebaikan yang memang selari dan sesuai dengan kemurnian Islam. Dengan memiliki roh kebaikan yang tinggi, mereka beriman dan membenarkan seruan Rasulullah SAW, mereka menjadikan Rasulullah SAW contoh teladan dalam setiap tindak tanduk dengan meneliti setiap pergerakan dan perkataan dengan mengikutinya dalam ibadahnya serta perilaku yang mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala.

Rasulullah SAW menyelusuri kehidupannya berdasarkan manhaj Rabbani, setiap perbuatan yang Rasulullah SAW lakukan sumbernya adalah daripada Allah Ta'ala, jika kita amati firman Allah dalam surah



Kalam sufi siri 1:

Sejarah kemunculan tasawuf dalam Islam

al-Najm ayat 3-4 yang bermaksud *dan tiadalah ia berkata dengan hawa nafsu akan tetapi ia adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah*. Kalimat 'berkata' yang ia merupakan sebahagian unsur dalaman menjelaskan bahawa diri Rasulullah SAW yang semua perbuatannya adalah bersumberkan dari Allah Ta'ala, bukanlah ia seperti manusia biasa. Bahkan ia terpelihara (maksud) daripada kesilapan, lahir darinya ke semua urusan hidupnya dari Allah Ta'ala. Tiada pergerakan kecuali dengan kehendak Allah, tiada baginda berkata kecuali dengan wahyu Allah.

Para sahabatnya mengetahui perkara tersebut, lantas mereka berusaha menjadikan diri mereka mencontohi segala urusan kehidupannya mengikut baginda Rasulullah SAW. Sebab itulah kita mengetahui segala tingkah laku Rasulullah SAW dari para sahabat yang telah mempraktikkan tingkahlaku ini dan diturunkan kepada generasi seterusnya sehingga diketahui pada pengakhiran kurun kedua hijrah ia dikenal sebagai ilmu tasawuf. Suatu ilmu yang menjadi cerminan sifat dan *mauqif* baginda Rasulullah SAW terhadap kehidupan dunia dan kezuhudannya.